

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO : 50

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pegangan atas jawapan Menteri Perpaduan terhadap isu rusuhan di Kuil Seafield, Subang Jaya bagi menjaga keharmonian dan keamanan di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Pada awal pagi, 26 November 2018, suatu insiden perselisihan faham antara dua kumpulan berhubung isu pemindahan tapak kuil Sri Maha Mariamman yang terletak di USJ 25, Seafield, Subang Jaya telah mengakibatkan punca pergaduhan yang besar.

Selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perpaduan dan kesejahteraan sosial, saya telah menghubungi Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim pada 26 November 2018 bagi menyatakan keprihatinan masyarakat terhadap rusuhan yang menjadi ancaman keamanan dan ketenteraman masyarakat pelbagai kaum dan agama serta menzahirkan ketegangan emosi yang berlaku dalam kalangan masyarakat serta pelbagai tuduhan liar yang dilemparkan dan meminta pihak polis menyiasat secara menyeluruh mengenai insiden Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor.

Pada 29 November 2018, YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membuat sesi penerangan mengenai insiden di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor di dalam Dewan Rakyat. Kedua-

SOALAN NO : 50

dua pemimpin turut menegaskan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap kejadian tersebut dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mengancam keamanan dan keselamatan awam mengikut undang-undang negara.

Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh saya selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perpaduan dan oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri ingin menjelaskan bahawa insiden pergaduan di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor tiada kaitan sama sekali dengan isu perkauman dan agama. Sebaliknya, pergaduhan tersebut mempunyai unsur jenayah yang melibatkan kerosakan harta benda serta mendatangkan kecederaan parah kepada anggota keselamatan yang bertugas di lapangan.

Saya menyeru kepada semua pihak supaya berfikir dan bertindak secara rasional dalam menangani isu seumpama ini di masa depan dan sebaliknya tidak cuba untuk memanipulasikannya untuk kepentingan pihak tertentu. Rakyat Malaysia telah mengecapi kehidupan yang aman dan harmoni sejak sekian lama. Janganlah disebabkan oleh insiden jenayah yang terpencil ini, kita sanggup merosakkan perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang kaum dan agama yang kita kecapai selama ini seperti kata pepatah, “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.”

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang sengaja mengganggu-gugat keamanan dan ketenteraman awam, terutamanya dengan mengapi-apikan sentimen perkauman. Tindakan tegas berlandaskan undang-undang akan diambil oleh pihak berkuasa demi mempertahankan perpaduan kaum, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.